

Membendung jenayah pelajar

Harian Metro m/s 12 04.2.07

PENDEDAHAN Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, mengenai peningkatan remaja dan pelajar berusia tujuh hingga 18 tahun dalam kes jenayah baru-baru ini dianggap tindakan berani.


Daripada 5,543 kes pada 2005, ia meningkat kepada 6,838 kes tahun lalu yang menyamai rekod jenayah dilakukan warga asing.

Ada antara mereka mula terbabit dalam kes bunuh, sekali gus membuktikan golongan terbabit perlu diberi perhatian khusus supaya perilaku itu dapat dihentikan.

Musa mendedahkan fakta menakutkan itu bukan semata-mata untuk santapan media, sebaliknya mengajak masyarakat berganding bahu membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) mencari jalan penyelesaian.

Beliau turut meminta semua pihak, terutama sekolah memainkan peranan lebih aktif mencegahnya daripada menjadi lebih buruk.

Sambil menyokong usaha polis itu, Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye, meminta masyarakat menegur perbuatan salah laku pelajar, terutama selepas waktu persekolahan dalam usaha membantu me-



MASALAH...gejala Mat Rempit kononnya dikaitkan dengan keberanian remaja menempuh cabaran.



Zaman dulu sikap 'jaga tepi kain orang' memang bagus. Masyarakat berani tegur anak jiran nakal atau lakukan kesalahan. Tetapi ketika ini senario jauh berbeza, jiran pun kita tak kenal, macam mana nak tegur anak kita"

Tan Sri Musa Hassan
Ketua Polis Negara.

nanangani isu terbabit.

Lee dilaporkan berkata, jenayah membabitkan remaja boleh dibendung menerusi pendekatan bersepadu membabitkan sekolah, ibu bapa, pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat.

“Kita tidak boleh serahkan

usaha menangani jenayah membabitkan remaja kepada pihak sekolah yang hanya mampu memantau pelajar ketika berada pada waktu persekolahan,” katanya.

Beliau juga mahu kegiatan ponteng sekolah, melepak di pusat beli-belah dengan ber-

pakaian sekolah dan menghabiskan masa mengunjungi kafe siber membabitkan pelajar tidak boleh dipandang ringan.

“Tanpa pengawasan sesiapa, pelajar terbabit terdedah kepada gejala negatif sekali gus memudahkan mereka

terbabit dalam kegiatan jenayah,” katanya.

Selain mendedahkan perangkaan itu ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Jenayah dan Perubahan Nilai Dalam Masyarakat Malaysia, dalam wacana bulan Dewan Bahasa dan Pus-

taka (DBP), Musa menangani strategi tersendiri dalam menangani kes salah laku atau disiplin golongan terbabit di seluruh negara.

Sebagai permulaan, beliau mahu pegawai pengantara antara sekolah dan polis diwujudkan.

Baginya, mereka perlu didekati dan bukan menangani melalui tangkapan atau pendakwaan untuk menyelesaikan masalah terbabit.

Musa berpendapat pelajar ponteng sekolah mungkin membenci polis sekiranya mereka ditahan, malah menanam perasaan dendam hingga menjadi golongan antipolis.

Beliau melontar kemungkinan punca peningkatan remaja dan pelajar dalam kes jenayah. Katanya: “Perubahan sosioekonomi negara memberi kesan besar ke atas pembangunan modal insan negara. Kita menghadapi pelbagai cabaran, termasuk masalah generasi muda ini.”

Musa turut menjelaskan, perubahan sikap dalam masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan kebendaan turut menjadi penyumbang kepada peningkatan jenayah.

“Zaman dulu, sikap ‘jaga tepi kain orang’ memang bagus. Masyarakat ketika itu berani menegur jika anak jiran nakal atau melakukan kesalahan. Tetapi ketika ini senario jauh berbeza, jiran

sendiri pun kita tak kenal, macam mana nak tegur anak kita.

“Keluarga yang terlalu pentingkan kebendaan juga mendorong masalah ini, hinggakan anak-anak dibiarkan. Memang mereka banyak duit tetapi anak dibiarkan membesar dengan pembantu rumah,” katanya.

Menceritakan mengenai kisah dirinya, beliau yang mahukan 20 sen terpaksa mencuci kereta bapa sebelum diberikan wang, sekali gus menjadikannya seorang yang betul-betul menghargai wang berkenaan.

Kesusahan mendapatkan wang menjadikan manusia menghargainya tanpa menisiasikan pendapatan yang diperoleh.

Sekarang, kata Musa, remaja mudah mendapatkan wang kerana apabila memin-ta RM20, mungkin ibu bapa akan beri RM50 dan ini menyebabkan mereka tidak pernah menempuh kesusahan hidup.

Mengikut perangkaan PDRM, tangkapan membabitkan remaja dan pelajar meningkat secara mendadak.

Tahun lalu, kes remaja terbabit dalam jenayah mencatatkan 5,007 kes (2.15 peratus) berbanding 3,936 kes (1.9 peratus) pada tahun sebelumnya manakala pelajar meningkat daripada 1,607 kes kepada 1,831 (0.78).